

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	<b>TAJUK</b>	<b>PEMANTAUAN BERTERUSAN CEGAH PENCEMARAN TOKSIK UDARA</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (2 FEBUARI 2026)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>13 (NASIONAL)</b>

13 Jan, 2 Februari 2026
Nasional
13

# Pemantauan berterusan cegah pencemaran toksik di udara

**Kajian UKM dapati pencemaran wujud meluas dalam bandar, perindustrian**

Oleh Suzalina Halid  
[suzalina@bh.com.my](mailto:suzalina@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Pemantauan secara berterusan dan dasar pencegahan perlu dilakukan agensi berkaitan berikutan pencemaran toksik di udara di Lembah Klang bagi mengelakkan kejadian seperti Sungai Kim-Kim di Johor, berulang kembali.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir, berkata hasil kajian dibuat pesukannya menunjukkan pencemaran udara banyak seperti gas mudah meruap, merkuri dan ozon permukaan di dalam atmosfera, wujud secara meluas dalam persekitaran bandar dan perindustrian, khususnya di Lembah Klang.

Katanya, kajian ketika kejadian jerebu menunjukkan zarah halus antaranya zarah 2.5 (PM 2.5) masih boleh memasuki ruang dalam antaranya bilik darjah dan pejabat walaupun bangunan mempunyai sistem pengudaraan.

Analisis risiko kesihatan menunjukkan selain kepekatan, komposisi kimia partikel juga berperanan penting dalam menentukan risiko kesihatan bukan kanser dan kanser, sekali gus memberi kesan khususnya kanak-kanak, warga emas

dan pekerja luar bangunan.

"Ini menunjukkan perlindungan kesihatan ketika jerebu perlu membabitkan pengurusan ruang dalaman dan bukan hanya aktiviti luar.

"Walaupun risiko kesihatan jangka pendek berada pada tahap rendah, sifat bioakumulatif dan kesan jangka panjang memerlukan pemantauan berterusan serta dasar pencegahan lebih menyeluruh.

"Kejadian seperti Sungai Kim-Kim menunjukkan pencemaran udara berimpak tinggi boleh berlaku tiba-tiba dan memerlukan kesiapsiagaan sistem pemantauan dan respons pantas," katanya kepada BH di sini.

Kajian itu dibuat kumpulan penyelidikan UKM dari 2016 hingga 2026 untuk beberapa dapatan penting berkaitan pencemaran udara di Lembah Klang dapat diketengahkan.

**Dipengaruhi lokasi mikro**

Mohd Shahrul berkata, kajian menunjukkan pendedahan sebenar masyarakat terhadap pencemaran udara banyak dipengaruhi oleh lokasi mikro dan corak kegiatan harian.

Katanya, kawasan trafik, sekolah, perumahan berhampiran sumber pelepasan dan ruang dalaman menyumbang secara signifikan kepada pendedahan harian walaupun beban purata kualiti udara dilaporkan berada dalam kategori sederhana.

"Analisis risiko kesihatan menunjukkan selain kepekatan, komposisi kimia partikel juga memainkan peranan penting dalam menentukan risiko kesihatan bukan kanser dan kanser.

"Kajian ketika tempoh Peraturan Kawalan Pergeseran (PKP) akibat pandemik COVID-19 bertindak sebagai eksperimen semula jadi menunjukkan pengurangan ketara kepekatan beberapa bahan pencemar apabila aktiviti trafik dan ekonomi menurun," katanya.

Dapatan itu mengesahkan dasar, perancangan bandar dan perubahan tingkah laku manusia mempunyai kesan langsung terhadap kualiti udara.

Beliau berkata, dapatan berkenaan sangat relevan dengan agenda pelepasan sifar dan peralihan ke arah pembangunan rendah karbon.

Katanya, walaupun Malaysia mempunyai 'Ma-

Kejadian seperti Sungai Kim-Kim menunjukkan pencemaran udara berimpak tinggi boleh berlaku dengan tiba-tiba. (Foto: Iain)

**Kajian ketika kejadian jerebu menunjukkan zarah halus antaranya zarah 2.5 (PM 2.5) masih boleh memasuki ruang dalam antaranya bilik darjah dan pejabat walaupun bangunan mempunyai sistem pengudaraan**

**Mohd Shahrul Mohd Nadzir,**  
Pensyarah Kanan Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM

2.	TAJUK	9 HEKTAR LADANG NANAS, KELAPA SAWIT TERBAKAR
	SUMBER	BH (2 FEBRUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	15 (NASIONAL)



# 9 hektar ladang nanas, kelapa sawit terbakar

Operasi di Simpang Renggam dilakukan semburan terus, gali parit elak api merebak

**Kluang:** Selepas kebakaran tanah gambut di Pengering dan Muar, Simpang Renggam pula mengalami bencana itu membabitkan empat hektar ladang kelapa sawit dan lima hektar nanas di Ladang Peninsular Plantation Sdn Bhd di sini, sejak Jumaat lalu.

Ketua Zon 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Siti Hajar Sanusi, berkata pihaknya menerima panggilan daripada pemilik ladang pada 0.34 malam sebelum pasukan unit dron digerakkan ke lokasi untuk pemantauan.

Betina berkata, tindakan susulan dilakukan dengan pemadaman awal pada 9 pagi kelmarin membabitkan enam anggota Balai Bom-

ba dan Penyelamat (BRP) Renggam dan diteruskan semalam dengan bantuan 11 anggota Pasukan Bomba Sukarela Simpang Renggam serta Layung Layung dan 20 pekerja ladang.

"Pemadaman dilakukan secara semburan terus menggunakan sumber air terbuka selain menggali parit bagi menghalang api merebak ke kawasan lain," katanya ketika ditemui di sini semalam.

### Bergantung cuaca

Siti Hajar berkata, operasi pemadaman bergantung kepada keadaan cuaca dengan pihaknya menjangkakan api dapat dipadamkan antara satu hingga dua hari bagi sekiranya hujan.

Betina berkata, mema-

suki hari kedua operasi, kira-kira 25 peratus kawasan terbitur berjaya dikawal dan dipadamkan, namun angin kencang mengganggu usaha pemadaman sehingga menyebabkan bara api merebak.

"Parit kecil di ladang kelapa sawit digunakan sebagai sumber air untuk pemadaman, manakala di ladang nanas menggunakan lori tangki milik Pasukan Bomba Sukarela dan pengurusan ladang.

"Buat masa ini, api berjaya dikawal, namun kami masih bimbang kerana ladang nanas terletak berhampiran kawasan pemempatan penduduk, iaitu kira-kira satu kilometer dari tempat kebakaran," katanya. BERNAMA



3.	TAJUK	NELAYAN KESAL ADUAN SUNGAI TERCEMAR, BAU BUSUK TIADA TINDAKAN
	SUMBER	BH (2 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)



# Nelayan kesal aduan sungai tercemar, bau busuk tiada tindakan

**Pelbagai jenis ikan jadi sumber rezeki mati, jejkaskan pendapatan**

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
[hhnews@bh.com.my](mailto:hhnews@bh.com.my)

**Jejebu:** Nelayan mendakwa air Sungai Pertang berbau busuk dipercayai akibat pencemaran sehingga menjejaskan tangkapan ikan air tawar dan sumber rezeki mereka.

Nelayan terbabit adalah dari Kampung Sungai Buloh, Bemban, Simpang Darisan dan Kampung Jerang.

Malah, air sungai itu juga di-

gunakan penduduk Kampung Orang Asli Putra dan Kampung Orang Asli Sawah.

Ketua Nelayan Darat Kampung Sungai Buloh, Bahali Osman, 63, berkata mereka meminta pihak berkuasa menyasat perkara itu.

Katanya, pencemaran sungai itu menjejaskan sumber rezeki mereka.

### **Pulang tangan kosong**

"Nelayan tidak lagi meraih tangkapan seperti biasa dan lebih teruk sejak dua minggu lalu pulang dengan tangan kosong sama ada menjala, menjaring, memancing dan menjadur.

"Banyak kali aduan dibuat kepada agensi berkaitan, namun tiada tindakan diambil sehingga hari ini," katanya ketika ditemui.

Katanya, kebiasaan nelayan boleh mendapat RM50 hingga RM100 sehari dengan menjual hasil tangkapan kepada pendu-

duk setempat.

Antara spesies ikan yang biasa ditangkap ialah lampam sungai, baung, patin, tenggalan antara yang ada di sungai berkenaan.

Penduduk, Syamsul Bahrin Shubudin, 53, mendakwa sebelum ini pelbagai jenis ikan mati dipercayai akibat pencemaran.

"Air sungai berbau busuk dan masam malah ada dalam kalangan penduduk mengalami gatal badan.

"Air Sungai Pertang mengalir masuk ke Sungai Triang dan sudah pasti boleh menyebabkan sungai berkenaan turut tercemar," katanya.

Sementara itu EXCO Kanan Kerajaan Negeri Sembilan yang juga Ahli Parlimen Jejebu, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perikanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta melakukan siasatan terperinci kejadian berkenaan.

4.	TAJUK	KERAJAAN SELANGOR DIGESA TANGANI SEGERA PENCEMARAN KUARI ZON 20
	SUMBER	BH (2 FEBRUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

Isnin, 2 Februari 2026 

## Kerajaan Selangor digesa tangani segera pencemaran kuari Zon 20

**Sungai Buloh:** Pencemaran debu, gegaran kuat dan kerosakan harta benda yang dihadapi penduduk sekitar Zon 20 di sini perlu diselesaikan segera oleh kerajaan Selangor kerana sudah berlarutan sejak lebih dua dekad lalu tanpa penyelesaian tuntas.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Datuk Dr Abdul Halim Tamari, berkata pasukan petugas khas yang melibatkan semua agensi berkaitan perlu diwujudkan dengan segera bagi menangani masalah operasi kuari berkenaan secara menyeluruh.

"Isu kesihatan dan keselamatan penduduk tidak boleh sama sekali dikompromikan.

"Penduduk terlalu lama menanggung kesan pencemaran habuk, gegaran letupan serta risiko kemalangan akibat pergerakan lori berat di kawasan perumahan," katanya kepada *BH* semalam.

Beliau diminta mengulas kebimbangan penduduk mengenai situasi berkenaan sehingga mendorong mereka mengadakan demonstrasi aman kelmarin bagi menyerahkan petisyen bantahan kepada pihak pengurusan kuari.

Abdul Halim turut menekankan pembinaan jalan kelas atau laluan alternatif bagi lori kuari satu keperluan mendesak bagi mengelak kenderaan berat terus keluar masuk kawasan perumahan, sekali gus mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Katanya, penguatkuasaan lojgar terhadap had masa operasi dan muatan lori jelas menunjukkan kelemahan penantunan yang perlu diperbetulkan segera oleh pihak berkuasa.

Beliau menegaskan kerajaan negeri perlu memanggil semua pihak terlibat termasuk pengusaha kuari, pihak berkuasa tempatan, jabatan teknikal dan wakil penduduk untuk duduk semeja dan mencari penyelesaian yang adil serta mampan.

Katanya, pendekatan lepas tangan tidak boleh diteruskan lagi.

Abdul Halim juga memberi jaminan suara penduduk akan terus dibawa ke peringkat lebih tinggi bagi memastikan tindakan konkrit diambil dan bukannya sekadar janji.

"Pembangunan tidak seharusnya berlaku dengan mengorbankan kesejahteraan rakyat. Saya akan terus mendesak agar langkah tegas diambil demi melindungi kesihatan, keselamatan dan kualiti hidup penduduk yang terkesan," katanya.

---

 Penduduk terlalu lama menanggung kesan pencemaran habuk, gegaran letupan serta risiko kemalangan akibat pergerakan lori berat di kawasan perumahan 

**Abdul Halim Tamari,**  
Ahli Dewan Undangan Negeri Paya Jaras



5.	TAJUK	TANAH GAMBUT LADANG SAWIT TERBAKAR : GUNA TELAGA TIUB PADAM API
	SUMBER	HARIAN METRO (2 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (LOKAL)

TANAH GAMBUT LADANG SAWIT TERBAKAR

# Guna telaga tiub padam api

Bernamea

Muar

Penggunaan telaga tiub atau *tube well* akan menjadi alternatif dalam usaha memadamkan kebakaran tanah gambut yang membabitkan ladang kelapa sawit seluas 18 hektar di Batu 13/14, Mukim Ayer Hitam di sini yang berlaku sejak kelmarin.

Ketua Bomba Zon 4 Penguasa Kanan Bomba II Nor Shuhada Amsari berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) bagi pelaksanaan kaedah berkenaan, berikutan kekurangan sumber air di kawasan berkenaan.

"Setakat ini, kita sudah mendapat bekalan air daripada dua lori tangki air Ranhill SAJ dan satu lori tangki air daripada Majlis Perbandaran Muar. Kita jangkakan juga keluasan kebakaran akan meningkat disebabkan angin kuat serta cuaca yang panas dan kering," katanya.

Beliau berkata, dua sektor kebakaran baharu dibuka semalam membabitkan Sektor C dan D.

"Setakat ini, 40 peratus kebakaran di Sektor C berjaya dipadamkan, manakala Sektor D mencatat 10 peratus pepadaman. Sektor B dipadamkan sepenuhnya manakala 60 peratus kebakaran di Sektor A berjaya dikawal," katanya.

Nor Shuhada berkata, kebakaran masih belum da-



KERINGAT jelas terpancar di wajah anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pungai dan Sungai Rengit yang bertungkus-lumus memadam kebakaran hutan di lokasi kejadian yang kini memasuki hari ketujuh pada Khamis lalu meskipun berdepan cuaca panas dan keadaan muka bumi yang mencabar.

pat dipadamkan sepenuhnya disebabkan struktur tanah gambut yang kompleks, kekurangan sumber air, cuaca panas, serta angin yang menyebabkan api terus merebak di bawah permukaan tanah.

Sementara itu, Pengarah JMG Johor Noorazhar Ngatimin berkata, telaga tiub paling hampir terletak di kawasan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) di Ayer Hitam manakala dua lagi terletak di Parit Jono

dengan kesemua telaga tersebut kini berada dalam keadaan sedia digunakan.

"Setakat ini, telaga berkenaan belum diaktifkan kerana menunggu arahan rasmi. Jika diperlukan, telaga ini akan digunakan,

namun buat masa ini pihak berkuasa menggunakan alternatif lain," katanya.

Beliau berkata, apabila berlaku kebakaran, air dari telaga boleh digunakan untuk pepadaman serta membasahkan kawasan

terbakar.

Nor Shuhada berkata, telaga itu dibina khas di kawasan yang kerap berlaku kebakaran tanah gambut bagi memastikan sumber air sentiasa tersedia ketika operasi kecemasan.

6.	TAJUK	BETING PASIR MUNCUL AKIBAT KEMARAU
	SUMBER	BH (3 FEBRUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

# Beting pasir muncul akibat kemarau

## Cuaca panas ubah landskap Sungai Tembeling, Lembah Kuala Kangsar

Oleh Amir Hamzah Nordin dan Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
[ahnews@bh.com.my](mailto:ahnews@bh.com.my)

**Jerantut:** Cuaca panas hampir sebulan selepas banjir di Ulu Tembeling menyebabkan paras Sungai Tembeling menyusut, sekali gus membentuk dataran dan beting pasir di beberapa lokasi sepanjang sungai itu.

Keadaan berkenaan menyebabkan sungai menjadi cetek dan

menyukarkan pergerakan bot penduduk, khususnya di kawasan hulu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Mat Daling, Wan Hamzah Wan Mah, berkata fenomena itu adalah perkara biasa ketika musim kemarau.

Katanya, paras air sungai yang surut menyebabkan beting pasir selebar hampir 100 meter dan sepanjang kira-kira 200 meter terbentuk di beberapa kawasan

sepanjang Sungai Tembeling.

"Namun, keadaan ini memberi 'rezeki bermusim' kepada penduduk apabila kawasan lubuk yang masih dalam dapat dimanfaatkan untuk menangkap ikan.

"Lazimnya, ikan seperti baung dan patin terperangkap di kawasan lubuk akibat paras air yang surut," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, beliau berkata, perubahan landskap sungai dengan pembentukan dataran pasir yang luas di tengah sungai turut mencetuskan pemandangan luar biasa.

Wan Hamzah berkata, beting pasir sama turut terbentuk di beberapa lokasi lain di sepanjang Sungai Tembeling, termasuk di Kampung Gusai, Kampung Bantal, Kampung Sat dan Kampung Pagi.

Sementara itu, penduduk Kampung Mat Daling, Nurul Natasha Abdul Aziz, 25, berkata fenomena berkenaan bersifat bermusim dan lazim berlaku ketika cuaca panas berpanjangan.

Katanya, kejadian kali ini lebih ketara berbanding musim kemarau sebelum ini.

"Cuaca kering berpanjangan boleh mengubah alur sungai dan menyebabkan beting pasir terbentuk, namun aliran utama sungai masih dalam," katanya.

### Dasar sungai tersingkap

Di Parit, cuaca panas berterusan di daerah Perak Tengah dan Kuala Kangsar menyebabkan penyusutan paras sungai hingga menampakkan beting pasir seluas padang di beberapa kawasan.

Tinjauan di kawasan Jeti Lembah Kuala Kangsar mendapati, beting pasir dan batuan kerikil dasar sungai tersingkap dikata-

kan berlaku sejak Disember lalu.

Keadaan itu menyebabkan hasil tangkapan nelayan menyusut secara mendadak kerana tidak dapat menggerakkan bot ke lokasi lazim menangkap ikan, selain turut menjejaskan sektor pelancongan bot persiaran di Kuala Kangsar.

Nelayan yang juga peraih hasil tangkapan sungai, Muhamad Shahrul Buari, 38, berkata fenomena penyusutan air kali ini adalah yang terburuk pernah dilalui sepanjang menetap di Kampung Teluk Perang, Perak Tengah, kerana turut menjejaskan pergerakan bot di sungai.

Beliau yang juga Pengerusi Komuniti Nelayan (MyKP) Kampung Teluk Perang berkata, keadaan itu memaksa nelayan mengubah rutin dengan turun ke sungai pada waktu malam berbanding siang.

Ia berikutan ikan tidak timbul susulan permukaan air apabila cuaca panas.



Beting pasir di Sungai Tembeling, Jerantut jejas laluan bot terutama ke hulu. (Foto ihsan pembaca)

7.	TAJUK	SELAMATKAN DUNIA
	SUMBER	HARIAN METRO (3 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	29 (ITMETRO)



DUNIA sedang berhadapan dengan ancaman siber yang semakin meningkat. Salah satunya adalah ancaman siber yang diakibatkan dengan bakul sampah elektronik yang tidak dikurangkan dengan baik.

# SELAMATKAN DUNIA

Lupuskan jutaan tan sisa elektronik dan peranti pintar melalui fasiliti berlesen bagi selamatkan alam sekitar dan masa depan

## FOKUS IT

Oleh Muhammad Saufi Hassan  
[msaufi@metro.com.my](mailto:msaufi@metro.com.my)

Apa yang pengguna akan lakukan terhadap peranti pintar yang sudah rosak, televisyen lama, perkakas teknologi lain yang tidak digunakan dan bentuk gajet lain.  
Jawapan mudah, mungkin segetintir

pengguna meletakkan peranti berkenaan di bakul sampah sebelum perkakas berkenaan dibawa ke tapak pelupusan sampah yang biasa.  
Tanpa kita sedar, keadaan itu akan mengganggu alam sekitar memandangkan perkakas teknologi ini mengandungi bahan toksik yang tidak boleh dibuang begitu saja, sebaliknya memerlukan kaedah pelupusan khusus.

Setiap tahun, Malaysia dianggarkan menjana antara 8.5 juta hingga 11 juta telefon pintar terpakai, bersamaan lebih 12 juta unit peranti elektronik kecil apabila digabungkan dengan tablet, laptop dan aksesori digital.  
Angka ini juga berpaksikan kira-kira 30 juta pengguna peranti pintar dengan kitaran tukar ganti sekitar 2.5 hingga 3.5 tahun.

> 30



PENGURUSAN sisa elektronik yang tidak sempurna akan mencemarkan alam sekitar.

# URUS BAIK SISA ELEKTRONIK

Mampu kurangkan pencemaran, selain menyokong ekonomi kitaran dan membuka peluang pekerjaan

## DARI MUKA 29

Dalam bahasa mudah, hampir setiap tiga tahun, satu gelombang besar peranti lama 'lahir' semula, bukan sebagai teknologi, tetapi sebagai 'sisa berbahaya'.

Namun, ke mana semua peranti ini pergi?

Sebagiannya tersadai di lact, almari dan stor rumah.

Selebihnya dibuang bersama sampah domestik atau ditual kepada pengutip tidak berlesen.

Kedua-dua ini mewujudkan 'stor penyimpanan sisa elektronik' i.e. 'Waste' yang mampu mengganggu alam sekitar.

Tapak pelupusan menanggung beban bahan toksik yang boleh meresap ke dalam tanah dan sistem perparitan, seterusnya mencemarkan sumber air serta rantaian makanan.

Telefon pintar rosak, laptop usang, televisyen lama atau pengeras tidak digunakan bukan sekadar besi buruk.

Ia tergolong sebagai sisa elektronik, kategori sisa berbahaya yang mengandungi plumbum, merkuri, kadmium dan 'brominated flame retardants'.

Pendedahan berpanjangan kepada bahan ini dikaitkan dengan gangguan sistem saraf, kerosakan buah pinggang dan menjejaskan perkembangan otak kanak-kanak.

Di Malaysia, sisa elektronik



SISA elektronik mempunyai bahan toksik yang boleh mengganggu alam sekitar.



diklasifikasikan sebagai bahan buangan berjadual mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan diletakkan dalam kod SW110.

Pengurusannya tertakluk kepada pemantauan Jabatan Alam Sekitar (JAS), termasuk kewajipan melupuskan melalui fasiliti berlesen sahaja.

Tetapi, jurang antara

dasar dan amalan di lapangan masih ketara, tidak ramai yang tahu kaedah betul untuk melupuskan gajet yang rosak ini.

Realitinya, tahap kesedaran awam kekal rendah, ramai pengguna menyimpan peranti lama kerana tidak tahu ke mana hendak dihantar.

Ada yang bimbang storan dalaman yang mengandungi data sensitif mungkin dimanipulasi

jika dibuang begitu saja dan akhirnya, pengguna membiarkannya di dalam stor.

Di peringkat global, dunia menghasilkan puluhan juta tan metrik sisa elektronik setiap tahun, namun kurang daripada satu per empat daripadanya dikitar semula secara rasmi.

Selebihnya berakhir di tapak pelupusan, dibakar secara terbuka atau diproses secara tidak

selamat, khususnya di negara membangun.

Ironinya, sisa elektronik sebenarnya mempunyai nilai ekonomi.

Komponen seperti tembaga, emas dan aluminium boleh diekstrak semula melalui proses kitar semula yang selamat.

Jika diurus secara betul, ia bukan sahaja mengurangkan pencemaran, malah

menyokong ekonomi kitaran dan membuka peluang pekerjaan.

Ringkasnya, setiap telefon lama yang dilupuskan dengan betul adalah satu langkah kecil menyelamatkan masa depan.

Sebaliknya, setiap peranti yang disimpan tanpa hala tuju atau dibuang sewenang-wenangnya hanya menambah kepada krisis sisa yang kian membesar.



PENGUNA perlu cerna tentang pelupusan sisa elektronik.



DUMA sedang berhadapan dengan ancaman sisa elektronik yang tidak diuruskan dengan baik.

8.	TAJUK	IKAN TIDAK TERJUAL DICAMPAK KE SUNGAI KITA
	SUMBER	BH (4 FEBRUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

## Ikan tidak terjual dicampak ke Sungai Kinta

**Ipoh:** Lambakan bangkai ikan yang ditemui terapung di Sungai Kinta berhampiran Kampung Temiang, di sini, baru-baru ini, diyakini berpunca daripada pelupusan ikan yang tidak dapat dijual dengan mencampakkannya ke dalam sungai.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh, berkata siasatan awal yang dijalankan pihaknya semalam mendapati hampir 99 peratus daripada tiga spesies ikan yang ditemukan mati adalah anak ikan tilapia.

Beliau berkata, kebanyakan ikan tilapia berkenaan bersaiz kecil dengan anggaran berat di bawah 120 gram, selain turut ditemukan beberapa ikan daripada spesies lampam dan baung yang juga bersaiz kecil.

Katanya, pihaknya kini masih menunggu keputusan analisis makmal terhadap persampelan kualiti air yang diambil berhampiran Surau Al-Ittihad di kampung berkenaan susulan kejadian itu.

"Berdasarkan pemerhatian dan penemuan di lapangan, dipercayai terdapat individu tidak bertanggungjawab membuang dan melupuskan anak ikan bersaiz kecil yang tidak boleh dijual dengan cara mencampakkannya ke dalam Sungai Kinta.

"Keadaan ini menyebabkan kejadian ikan mati di kawasan aduan, dengan 99 peratus daripadanya adalah ikan tilapia, manakala selebihnya ikan lampam dan baung bersaiz kecil," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohammad Ezanni berkata, selain menunggu keputusan

analisis makmal bagi mengesahkan status kualiti air Sungai Kinta di kawasan berkenaan, pemantauan berkala turut dijalankan bagi mengelakkan kejadian berulang.

"Tindakan penguatkuasaan lanjut akan diambil sekiranya terdapat bukti kukuh berlaku pelanggaran undang-undang alam sekitar," katanya.

Beliau mengesahkan pihaknya menerima aduan orang awam kelmarin mengenai kejadian ikan mati dalam keadaan berbau busuk di Sungai Kinta berhampiran Surau Al-Ittihad, Kampung Temiang, sebelum siasatan dijalankan.

Terdahulu, insiden penemuan lambakan bangkai ikan itu tular di media sosial dan didakwa berpunca daripada aktiviti menuba ikan di Sungai Kinta.



Lambakan bangkai ikan ditemui terapung di Sungai Kinta berhampiran Kampung Temiang, Ipoh, baru-baru ini. (Foto ihsan pembaca)

9.	TAJUK	IMPORT E-WASTE DISEKAT, KLASIFIKASI LARANGAN MUTLAK
	SUMBER	BH (5 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

## Import e-waste disekat, diklasifikasi Larangan Mutlak

**Kuala Lumpur:** Pengimportan sisa elektronik (e-waste) disekat sepenuhnya selepas diletakkan di bawah kategori Larangan Mutlak, berkuat kuasa semalam. Keputusan ini dicapai melalui Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Hala Tuju Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik dan E-Waste Dalam Negara Bil. 2/2026 dipengerusikan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mala-

aysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki. Mesyuarat memutuskan pengimportan e-waste diklasifikasikan bawah kategori Larangan Mutlak mengikut Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023. Azam ketika mengumumkan perkara itu berkata, keputusan itu diambil sebagai memperketat kawalan kemasukan sisa berbahaya dan melindungi alam sekitar. "Tindakan penguatkuasaan tegas dan bersepadu semua agensi berkaitan diperlukan. "E-waste tidak lagi dibenarkan

masuk ke negara ini. Penguatkuasaan mesti dilaksanakan tegas memabatkan semua agensi," katanya dalam kenyataan, semalam. Sehubungan itu, Azam berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) diarah mengemuka permohonan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk meletakkan e-waste di bawah kategori Larangan Mutlak. Sebelum ini, e-waste disenarai-

kan di bawah Larangan Bersyarat, Ketua Pengarah JAS mem-punyai kuasa budi bicara untuk memberikan pengecualian tertak-luk kepada syarat tertentu. Peruntukan ini termaktub da-lam Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. "Mesyuarat turut memutuskan penubuhan Jawatankuasa Khas Penyelarasan E-Waste, dipengeru-sikan Komander Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal. "Jawatankuasa ini perlu mela-porkan hasil mesyuarat kepada Pasukan Petugas Khas dalam tem-poh seminggu bagi memastikan

pengurusan e-waste lebih sistematik dan berkesan," katanya. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan cadangan pelak-sanaan moratorium tiga bulan ter-hadap pengimportan sisa plastik. "Bagaimanapun, sebelum kepu-tusan dimuktamad, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan In-dustri, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan SWCorp perlu mengemuka data mengenai sum-bangan sektor itu kepada ekonomi negara untuk pertimbangan Per-dana Menteri," katanya.

10.	TAJUK	JAS KESAN PREMIS PUNCA AIR KOLAM TADAHAN JADI HITAM
	SUMBER	BH (5 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)



Ahli Dewan Undangan Negeri Klebang, Datuk Lim Ban Hong meninjau kolam tadahan banjir yang warna kehitaman dan berbau di Bukit Rambai, semalam. (Foto Fathana Yaacob/BH)

## JAS kesan premis punca air kolam tadahan jadi hitam

**Melaka:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka mengenal pasti sebuah premis yang disyaki menjadi punca pencemaran air berwarna hitam di kolam tadahan banjir Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, di sini, baru-baru ini.

Pengarah JAS Melaka, Rosli Mustafa, berkata siasatan awal mendapati pencemaran itu berkemungkinan berpunca daripada pelepasan sisa cecair sebuah kilang memproses buangan terjadual yang terletak berhampiran kawasan berkenaan.

Beliau berkata, kejadian itu menimbulkan kebimbangan terhadap risiko pencemaran alam sekitar serta keselamatan awam, memandangkan kolam tadahan banjir berfungsi sebagai komponen penting

dalam pengurusan air dan pencegahan banjir.

“Sehubungan itu, beberapa siri siasatan lanjut serta aktiviti pemantauan intensif telah dijalankan bagi mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab melepaskan sisa ke dalam kolam tadahan banjir berkenaan,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Rosli berkata, sehingga 2 Februari lalu, pihaknya telah mengarahkan penghentian serta merta sebarang aktiviti pelepasan oleh premis terbabit yang berpotensi menyebabkan pencemaran alam sekitar.

“Tindakan penguatkuasaan turut diambil selaras peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

“Sampel air juga sudah diambil untuk tujuan analisis, namun tempoh mem-

peroleh keputusan bergantung kepada Jabatan Kimia,” katanya.

Kelmarin, media melaporkan aktiviti harian hampir 1,000 penduduk di empat kampung sekitar Bukit Rambai terjejas susulan pencemaran sungai sepanjang kira-kira 10 kilometer, yang disyaki berpunca daripada pelepasan sisa industri ke kolam tadahan banjir Kawasan Perindustrian Bukit Rambai sejak tiga minggu lalu.

Akibat kejadian itu, air di beberapa anak sungai yang mengalir ke Sungai Ayer Salak dan Sungai Malim sebelum berakhir di muara sungai di jeti nelayan Klebang Besar dilaporkan bertukar kehitaman serta mengeluarkan bau seperti minyak.

11.	TAJUK	MALAYSIA IMPOSES IMMEDIATE, ABSOLUTE BAN ON E-WASTE IMPORT
	SUMBER	NST (5 FEBRUARY 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NATION)

## TIGHTENING CONTROLS

# Malaysia imposes immediate, absolute ban on e-waste import

**PUTRAJAYA:** Malaysia has imposed an immediate and absolute ban on the import of electronic waste (e-waste) following a decision to reclassify such shipments under the Customs (Prohibition of Imports) Order 2023, effective yesterday.

The move was announced by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) after the second meeting of the Special Task Force on the Enforcement Management Roadmap for Plastic and E-Waste Imports, which aims to tighten controls on the entry of hazardous waste and protect the environment.

MACC Chief Commissioner

Tan Sri Azam Baki, who chaired the meeting, said firm and coordinated enforcement by all relevant agencies was essential to ensure the ban's effectiveness.

"E-waste is no longer allowed to enter the country. Enforcement must be carried out firmly, involving all agencies."

He said as part of the decision, the Department of Environment (DoE) had been directed to submit a formal application to the Customs Department to put e-waste under the "Absolute Prohibition" category.

Previously, e-waste was listed under "Conditional Prohibition", where the DoE director-general

had discretionary powers to grant exemptions subject to conditions, as provided for under Section 34B of the Environmental Quality Act 1974.

"The meeting also approved the establishment of a Special E-Waste Coordination Committee, to be chaired by Malaysia Border Control and Protection Agency (MCBA) Port Klang Commander Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal.

"The committee is required to report its outcomes to the special task force within a week to ensure a more systematic and effective approach to e-waste management," Azam said.

He said the meeting also discussed a proposed three-month moratorium on the import of plastic waste.

"Before any final decision is made, the Investment, Trade and Industry Ministry, National Solid Waste Management Department and Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation have been tasked with submitting detailed data on the sector's economic contribution for the prime minister's consideration."

The move follows a recent blitz by the MCBA at Port Klang, where more than 50 containers were checked and 11 were found to

contain e-waste and other scheduled waste.

Market research organisation Mobility Foresights estimated that Malaysia's e-waste management market could be worth US\$9.7 billion by 2025, covering licensed e-waste recycling and disposal activities across the country.

According to the Global E-Waste Monitor 2024, some 62 million tonnes of e-waste were generated worldwide in 2022.

The report estimated that about US\$38 billion worth of recoverable materials could be extracted if this e-waste were properly recycled.

12.	TAJUK	AIR KOLAM TADAHAN BANJIR BERTUKAR HITAM : DIPERCAYAI BERPUNCA DARIPADA PELEPASAN SISA CECAIR KILANG
	SUMBER	HARIAN METRO (5 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (LOKAL)



### AIR KOLAM TADAHAN BANJIR BERTUKAR HITAM

## Dipercayai berpunca daripada pelepasan sisa cecair kilang

**Melaka:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka mengenal pasti sebuah premis yang disyaki punca pencemaran air berwarna hitam di kolam tadahan banjir Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, baru-baru ini.

Pengarah JAS Melaka, Rosli Mustafa berkata, siasatan awal mendapati air berwarna hitam itu berkemungkinan berpunca daripada pelepasan sisa cecair oleh sebuah kilang memproses buangan ter-

jadual yang terletak berhampiran kawasan itu.

Menurut beliau, kejadian itu menimbulkan kebimbangan terhadap risiko pencemaran alam sekitar serta keselamatan awam, khususnya kerana kolam tadahan banjir berfungsi sebagai komponen penting dalam pengurusan air dan pencegahan banjir.

"Sehubungan itu, beberapa siri siasatan lanjut serta aktiviti pemantauan intensif sudah dijalankan

bagi mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab mengalirkan sisa tersebut ke dalam kolam tadahan banjir berkenaan," katanya.

Katanya, sehingga 2 Februari, pihaknya sudah mengarahkan penghentian serta-merta sebarang aktiviti pelepasan premis terabit yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar.

"Tindakan penguat kuasa turut diambil selaras

dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Sampel air yang juga diambil untuk dianalisa namun tempoh keputusan bergantung kepada Jabatan Kimia," katanya.

Menurut beliau, JAS Melaka tidak akan berkompromi terhadap sebarang perbuatan mencemar alam sekitar dan akan terus melaksanakan pemantauan rapi serta tindakan tegas bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan orang awam sentiasa terpelihara.

Dalam pada itu, orang ramai yang mempunyai maklumat atau aduan berkaitan pencemaran alam sekitar digesa untuk menyalurkan aduan kepada Hotline JAS di 1800-88-2727 bagi membantu siasatan lanjut.

Kelmarin, media melaporkan aktiviti harian hampir 1,000 penduduk di empat buah kampung di Bukit Rambai di sini ter-

jejas ekoran pencemaran sungai sepanjang kira-kira 10 kilometer yang disyaki berpunca daripada pelepasan sisa industri di kolam takungan banjir Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, sejak tiga minggu lalu.

Akibatnya, air di beberapa anak sungai yang mengalir ke Sungai Ayer Salak dan Sungai Malim sebelum berakhir di muara sungai di jeti nelayan Klebang Besar bertukar menjadi kehitan dan berbau minyak.

13.	TAJUK	RIBUAN IKAN MATI SEJAK ISNIN LALU DI SUNGAI TEKAI
	SUMBER	HARIAN METRO (5 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (LOKAL)

**Alor Setar:** Penduduk sekitar Sungai Tekai berdekatan Pekan Naka di sini terkejut apabila mendapati beribu ekor ikan terapung dan mati mengejut sejak Isnin lalu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab mengesahkan pihaknya menerima aduan kejadian itu pada jam 6.05 petang kelmarin.

Susulan itu sepasukan pegawai penyiasat JAS dikerahkan ke lokasi kejadian bagi menjalankan pemeriksaan lanjut.

"Hasil siasatan di lokasi menemui bangkai pelbagai spesies ikan air tawar termasuk lampam, baung, patung dan tembakang.

"Berdasarkan maklumat

## Ribuan ikan mati sejak Isnin lalu di Sungai Tekai



PEGAWAI JAS Kedah melakukan pemeriksaan di Sungai Tekai, Pekan Naka di daerah Padang Terap. Gambar kecil, ikan yang terapung di lokasi kejadian.



sebanyak empat botol sampel air sungai sudah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan analisis kimia untuk mengenal pasti sekiranya terdapat unsur pencemaran kimia atau bahan toksik.

JAS Kedah juga menerima maklumat dari orang awam bahawa kematian ikan disebabkan oleh penggunaan tuba.

Beliau menasihati orang awam untuk membuat laporan polis berkaitan kejadian itu.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak menggunakan tuba atau bom ikan bagi tujuan menangkap ikan," katanya.

awal daripada penduduk setempat, kejadian itu mula dikesan berlaku sekitar jam 5 petang pada 2 Februari lalu," katanya.

Sharifah Zakiah berkata,

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**